

## AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN :

## DARI KACA MATA

Dr Mohd Feizel Alsiddiq  
Mohd Fakharuddin

Pakar Perunding Pediatrik  
dan Neurologi yang juga Pensyarah  
Fakulti Perubatan dan Sains  
Kesihatan, Universiti Putra Malaysia



Jumlah kematian kanak-kanak berusia di bawah 15 tahun boleh dielakkan dengan pemberian vaksin tambahan"

Risiko tertinggi jangkitan pneumokokal ini adalah dalam kalangan anak kecil serta orang tua yang mempunyai sistem imunisasi yang lemah"

Pemberian vaksin pneumokokal tidak membebankan kerana ia sebagai jaminan untuk generasi muda"

# Imunisasi elak penyakit berbahaya

**M**alaysia adalah antara negara membangun yang menawarkan perkhidmatan kesihatan terbaik dunia. Perkhidmatan itu disalurkan menerusi subsidi maksimum di hospital kerajaan di seluruh negara.

Kesungguhan menyediakan perkhidmatan terbaik ini memberi peluang semua peringkat masyarakat menikmatinya dengan sempurna.

Perkhidmatan berkualiti ini juga menjadi penanda aras kepada kecekapan pentadbir dalam menguruskan dana secara lestari.

Pada tahun lalu, kerajaan dalam laporan belanjawannya mengumumkan peruntukan berjumlah RM25 bilion bagi tujuan itu, sekali gus meningkatkan kualiti kesihatan rakyat sepanjang tempoh 2017.

Satu peruntukan besar berbanding populasi berjumlah 31 juta. Daripada jumlah berkenaan, dianggarkan sejumlah RM4 bilion disediakan untuk bekalan ubat dan vaksin.

Usaha meningkatkan kualiti kesihatan rakyat perlu dilaksanakan secara khusus dengan memberi penekanan kepada penjagaan me-

nyeluruh pada peringkat awal kelahiran.

Statistik mencatatkan, jumlah kohort kelahiran kebangsaan dianggarkan sekitar 450,000 hingga 480,000 setahun.

Golongan ini memerlukan penjagaan rapi bagi membolehkan mereka mendapat perlindungan holistik daripada sebarang jangkitan penyakit yang boleh membawa mati.

Jumlah kes kematian dalam kalangan kanak-kanak berusia di bawah 15 tahun boleh dielakkan dengan pemberian vaksin tambahan sebagai tambahan kepada vaksin sedia ada.

#### Amerika, Eropah, Singapura wajibkan suntikan

Namun, dalam usaha menaiktaraf perkhidmatan sedia ada ini, terdapat juga segmen perkhidmatan yang memerlukan perhatian yang khusus.

Sebagai contoh, vaksin pneumokokal untuk bayi berusia dua bulan ke atas untuk empat dos memberi perlindungan kesihatan sepanjang hayat.

Inilah terbukti di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah termasuk Singapura sudah mewajibkan vaksin ini se-

jak lebih 10 tahun lalu.

Pemberian vaksin itu secara klinikal membuktikan berlaku penurunan kes *invasive pneumococcal infection*, iaitu lebih daripada 90 peratus.

Kuman pneumokokal terdapat di seluruh dunia tanpa mengira iklim negara berkenaan atau tahap sosial termasuk di Malaysia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula menganggarkan satu juta kanak-kanak di bawah umur lima tahun mati akibat jangkitan kuman pneumokokal setiap tahun.

Risiko tertinggi jangkitan pneumokokal ini adalah dalam kalangan anak kecil serta orang tua yang mempunyai sistem imunisasi yang lemah. Dua jangkitan yang sangat kritikal disebabkan oleh kuman ini adalah meningitis (jangkitan selaput otak) dan pneumonia (jangkitan para-paru).

#### Potensi caca otak kekal

Kuman pneumokokal ini sangat cepat merebak di dalam anggota badan dan jika lambat dirawat berpotensi menyebabkan anak menjadi amat tenar dan kritis.

Pengalaman sebagai pakar pediatrik neurologi merawat kanak-kanak yang dijangkiti meningitis pneumokokal menyatakan mereka datang dengan demam tinggi, sakit kepala dan koma.

Kajian klinikal membuktikan penyakit meningitis boleh menyebabkan punca kematian sehingga 10 peratus. Dianggarkan juga 25 peratus daripada mereka berpotensi mengalami kecacatan otak kekal kesan serangan berkenaan.

Bagi kes yang serius, pesakit perlu menjalani rawatan di unit rawatan rapi (ICU) dengan kos rawatan dianggarkan di antara RM1,000 hingga RM1,5000 sehari. Kadarnya semasa tidak termasuk kos bekalan ubat.

Tempoh rawatan di ICU pula meliputi tempoh selama berminggu-minggu serta perlu menjalani pembedahan otak bagi mengeluarkan nanah atau merawat hydrocephalus (lebihan air di dalam otak) akibat jangkitan kuman yang serius ini.

Secara hositik, kerajaan terpaksa menampung kos rawatan yang tinggi dengan prosedur ICU,

keperluan pemantauan doktor pakar dan perbelanjaan tambahan keluarga sepanjang tempoh rawatan anak masing-masing.

Namun, sehingga kini, vaksin utama yang berupaya mencegah jangkitan meningitis ini masih belum dimasukkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan (NIP), walaupun pelbagai pihak sebelum ini sering menyarankan supaya berbuat demikian.

#### 50 negara laksana suntikan vaksin pneumokokal

Sebagai pengamal perubatan, adalah menjadi harapan saya supaya kerajaan mengkaji dan seterusnya menambah baik perkhidmatan sedia ada dengan memasukkan vaksin pneumokokal sebagai sebahagian daripada program NIP.

Pelaksanaan ini terbukti melindungi kanak-kanak daripada serangan penyakit berbahaya seperti meningitis dan pneumonia.

Kedua-dua bentuk serangan berkenaan terbukti mengakibatkan komplikasi kepada kanak-kanak yang sering dilaporkan di semua hospital kerajaan, mahupun swasta.

Pemberian vaksin pneumokokal pastinya tidak membebankan kerana inisiatif itu sebagai jaminan untuk generasi muda hari ini yang juga pelapis pemimpin akan datang menikmati kehidupan lebih sihat.

Vaksin pneumokokal, kini sudah dimasukkan dalam program imunisasi kebangsaan di lebih 50 buah negara yang terdiri dari negara maju serta membangun seperti yang disyorkan oleh WHO.

Malaysia sebagai negara dengan wawasan menjadi negara maju menjelang 2020 dapat menyuarakan perolehan pendapatan dengan memasukkan vaksin pneumokokal sebagai vaksin wajib menerusi NIP.

**AKHBAR : SINAR HARIAN****MUKA SURAT : 41****RUANGAN : KUALA LANGAT.SEPANG**

## Kampung jadi tumpuan program kesihatan

JENJARUM - Program Gegar 10,000 Langkah Merdeka adalah sinonim dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sudah pun memasuki tahun kelima pelaksanaannya.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Wan Ahmad Razman Wan Abdul Salim berkata, pelaksanaan secara serentak di setiap daerah di seluruh negara itu digabung dengan satu lagi kempen kesihatan tahunan iaitu Kem Nak Sihat.

"Kempen ini bertujuan membudayakan aktiviti fizikal dan amalan cara hidup sihat

yang lain dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

"Bagi memastikan pelaksanaan program lebih dekat dengan masyarakat setempat, kita memilih kawasan-kawasan kampung sebagai lokasi penganjuran program ini," katanya.

Menurutnya, pada tahun lepas program itu diadakan di Kampung Sijangkang. Manakala Munir Avenue D'Kampung Stay di Kampung Jenjarom pula menjadi lokasi pilihan tahun ini.

"Pelaksanaan program ini turut mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai

pihak termasuk JKKKP Kampung Jenjarom," katanya.

Wan Ahmad berkata, pelbagai pameran interaktif diadakan dalam Kem Nak Sihat termasuk memberi fokus kepada aktiviti fizikal, pemakanan sihat, imunisasi, pencegahan TB, pencegahan HIV dan denggi serta kempen kenali ubat.

"Sukarelawan KOSPEN yang dikenali sebagai GSIM turut menjayakan program saringan kesihatan termasuklah pengiraan BMI, tekanan darah dan tahap gula dalam darah," katanya.



Kira-kira 1,000 peserta menyertai Program Gegar 10,000 Langkah Merdeka dan Sihat 2017.